



Manifestasi legenda kepahlawanan Monsopiad sebagai identiti etnik Kadazandusun: Citra dari kacamata Peribumi Penampang, Sabah

Noviatin Syarifuddin¹

¹Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Noviatin Syarifuddin (email: noviatin@ukm.edu.my)

Abstrak

Makalah ini berkenaan tentang kewujudan sebuah legenda kepahlawanan bernama Monsopiad yang meninggalkan kesan terhadap pembentukan identiti etnik Kadazandusun di Sabah. Citra keperibadian mengenai Monsopiad sebagai sebahagian daripada elemen identiti lokal sangat signifikan dalam mencorakkan dan memahami struktur kehidupan asas manusia etnik Kadazandusun. Justeru, tujuan utama makalah ini ditulis ialah untuk (i) memahami dan meneroka kefahaman informan terhadap Legenda Kepahlawanan Monsopiad sebagai elemen identiti etnik Kadazandusun dan (ii) untuk mengenalpasti fungsi legenda dalam memperkasa etnik masa kini. Penelitian telah dijalankan di Kampung Kuai Kandazon, Penampang, Sabah menggunakan kaedah *in-depth-interview* dan pemerhatian tidak turut serta. Dengan menggunakan pensampelan *purposive*, sebanyak lapan orang informan dalam kalangan etnik Kadazandusun telah dipilih untuk memerihalkan kefahaman mereka berdasarkan pengalaman harian. Hasil kajian mendapati bahawa etnik Kadazandusun yang melalui fungsi penyesuaian identiti masih mengamalkan adat dan kepercayaan tradisi dalam beberapa elemen kehidupan. Perubahan ruang dan masa yang berlangsung di hadapan mereka tidak membawa perubahan holistik dalam konteks ruang sosial mereka. Malahan usaha mereka dalam mengekalkan identiti jelas diperlihatkan menerusi upacara ritual dan penglibatan mereka dalam aktiviti yang menyatukan etnik kelompoknya.

Katakunci: Bobohizan, identiti etnik, Kadazandusun, legenda Monsopiad, pengetahuan lokal, Sabah

The manifestation of Monsopiad heroic legend as an element of Kadazandusun ethnic identity: An overview from local citizens in Penampang, Sabah

Abstract

Iconic personalities may exert powerful influence in the shaping of a people's identity. This study examined, through the perspective of key local informants, the manifestation of a legendary warrior named Monsopiad who had impacted the formation of Kadazandusun ethnic identity in Sabah. The twofold objectives were to understand and explore the informant's comprehension of the Monsopiad heroic legend as an element of the Kadazandusun ethnic identity, and to identify the function of legends in contemporary empowerment of ethnic identity. A case study was conducted in Kuai Kandazon Village, Penampang, Sabah utilizing participant non-observations and in-depth interviews of eight Kadazandusun ethnic informants involving the use of purposive and 'snow ball sampling'. The results of the study revealed that the Kadazandusun ethnic had undergone identity assimilation but still practiced traditional customs and beliefs in some aspects of their daily life. The space-time change that occurred before their very eyes did not bring holistic changes in their social space context. Moreover, their effort to preserve their ethnic identity was clearly evidenced by their continued observance of ritual ceremonies and activities that sought to unite the ethnic group.

Keywords: Bobohizan, ethnic identity, Kadazandusun, legend of Monsopiad, local knowledge, Sabah

Pengenalan

Sejarah tokoh dan kepahlawanan merupakan sebahagian aspek yang menghiasi corak identiti masyarakat di seluruh dunia. Sumbangan dan jasa dalam mempertahankan keharmonian kampung, daerah, negeri dan negara menjadi fokus sesebuah etnik untuk mengakui kepahlawanan tokoh tersebut. Umumnya, tidak ada suku, etnik, bangsa ataupun rakyat yang mengakui tidak mempunyai sebarang tokoh pejuang dalam elemen identiti mereka untuk dikenang. Ini dibuktikan melalui karya Baring-Gould (2007) di Sarawak, etnik Iban amat menyanjungi kepahlawanan Rentap dan elemen perjuangannya kini diaplikasikan dalam kehidupan etniknya abad ke 21 yang berpegang teguh kepada konsep *Agi Idup Agi Ngelaban*. Tanah Melayu (Malaysia) yang melalui sejarah pemerintahan sistem feudalisme amat mengagungkan kepahlawanan Hang Tuah '*tidak lut senjata*' semasa memperjuangkan maruah Sultan demi *daulah* (Salinah Ja'afar, 2013). Menyandang gelaran 'Negeri di bawah Bayu' *Land Below Wind*, Sabah turut diungguli dengan perjuangan beberapa tokoh tersohor sama ada dalam aspek ketokohan peribadi, politik mahupun ekonomi. Namun untuk makalah ini fokus diberikan kepada etnik Kadazandusun yang amat menyanjungi *Pangazou* (pahlawan) *Monsopiad*.

Monsopiad sebagai *Pangazou* (Pahlawan) di daerah Penampang amat dikenali dengan kehandalan beliau dengan ketangkasan menggunakan pedang semasa bertempur dengan lanun-lanun kampung. Setiap etnik mempunyai teknik yang berbeza untuk menjalankan aktiviti *sagai* (penggal kepala) untuk sesuatu tujuan misalnya sebagai berian kahwin dan *misangod* (perang). Teknik *sagai* dianggap sesuatu yang mempunyai citra seni yang tersendiri. Zaman dahulu *Aki* (moyang) yang memperturunkan teknik *sagai* kepada anak lelaki (Gingging, 2007). Menurut Lai Kwok Kin (1991), Borneo bukanlah satu-satunya keturunan pewaris identiti *sagai* kerana aktiviti berkenaan telah pun tercatat pada awal abad ke 5 S.M di kawasan Scythians berhampiran Laut Hitam negeri Assam. Sehingga kini terdapat bukti kukuh menjadi simbol yang menunjukkan legenda itu benar dan nyata melalui penubuhan Rumah Kebudayaan *Monsopiad* (*Monsopiad Cultural Village*) pada 1966 sehingga kini. Owen Rutter (1922) menyatakan bahawa aktiviti *sagai* dianggap sebagai satu simbol identiti yang mencerminkan kehebatan lelaki untuk menentang musuh di kawasan kampungnya. Sejarawan Barat, James Warren (1981) menyatakan bahawa aktiviti berkenaan dianggap sebagai satu *cultural phenomenon* yang signifikan sifatnya dalam kehidupan sosial, budaya dan agama yang menjadi identiti etnik Kadazandusun. Herzfeld (1997) menyatakan meskipun sejarah legenda *sagai* adalah sejarah yang 'memalukan' bagi etnik Kadazandusun dari segi tujuan dan fungsi serta kaedah menyelenggara *Bangkavan* (tengkorak kepala manusia), tetapi ia adalah sesuatu yang menghubungkan mereka sebagai satu etnik yang berkongsi kebudayaan kolektif.

Dalam masa yang sama, interpretasi makna terhadap simbol *sagai* dalam sesebuah etnik kadang-kala ditafsirkan sebagai sesuatu yang kejam, ganas dan tidak berperikemanusiaan oleh pengunjung rumah kebudayaan disebabkan mangsa dipamerkan secara terbuka di dalam sebuah muzium hidup. Misalnya, sarjana Barat (Smith, 2012) yang mengkritik amalan mempamerkan tengkorak kepala manusia tanpa fizikal lengkap di kediaman peribadi etnik Kadazandusun dan kini di MCV sebagai sesuatu yang 'memalukan' bagi etnik keluarga si mati dan dikonotasikan sebagai simbol 'keganasan' dalam konteks penghapusan etnik. Pengkaji Kebudayaan Asli Barat dalam bidang 'Anthropophagy', Shirley Lindenbaum (2004) yang menulis berkenaan amalan kanibalism membezakan ciri 'keganasan' di Borneo dengan di Brazil berhubung dengan kepahlawanan seseorang legenda *Monsopiad* dengan ras Kayapo. Bagi aktivis Kayapo yang menghormati semangat alam, amalan memakan daging manusia yang berdosa bertujuan membendung dosa si pelaku daripada 'merekab' kepada kehidupan manusia akan datang. Berbanding dengan kepercayaan etnik Kadazandusun amalan memenggal kepala musuh ketika 'misa-songid' (perang atau pergaduhan) adalah simbol 'kemenangan' untuk dikenang sepanjang hayat tanpa membawa kembali fizikal mayat (badan) bertujuan untuk memberikan ruang kepada keluarga si mati bagi mengadakan upacara kenduri doa selamat iaitu *Moginakan* sesuai dengan tuntutan pakar ritual keagamaan ketika itu. Faktor label simbol 'keganasan' sedemikianlah yang memberi nilai kepada makalah ini dengan menyelami makna sebenar kepahlawanan legenda *Monsopiad* dari sudut pemahaman etnik Kadazandusun di Sabah.

Anttonen menyatakan terdapat banyak versi kajian identiti etnik di Sabah menghuraikan motif amalan tersebut sebagai kegunaan jalan spiritual bertemu *Aki Kaulung*, usaha untuk menghalang pencerobohan kampung, simbol pengorbanan terhadap semangat yang melindungi tanaman, simbol peningkatan hierarki dan kuasa, simbol pertempuran dan simbol kepahlawanan seseorang (Anttonen, 2005). Namun melalui perspektif makalah ini, legenda Monsopiad memperlihatkan bagaimana kisah kepahlawanan Monsopiad menjadi sebagai sebahagian elemen identiti etnik Kadazandusun di Penampang, Sabah. Penelitian ini bermakna bagi memberikan wacana pengetahuan lokal tentang elemen identiti etnik Kadazandusun daripada hasil dapatan pengkaji sebagai anak jati 'Negeri Bawah Bayu'. Melalui makalah ini pengetahuan tradisi penduduk pribumi sebagai sumber pengetahuan lokal diharapkan mampu mengatasi kekurangan maklumat hasil kajian mengenai sumber yang mencirikan identiti etnik. Selanjutnya, kajian lapangan ini penting kerana ketiadaan penganalisisan terperinci terhadap simbol-simbol kebudayaan yang mencerminkan identiti melalui Legenda Kepahlawanan Monsopiad tidak wujud dalam penyelidikan bidang Antropologi. Melainkan hanya kajian berkenaan negeri Sabah sebagai industri pelancongan *exotic*, kajian bahasa etnik dan imaginasi sosial tentang aktiviti pemburuan kepala di Asia. Buktinya dapat diwakili dengan beberapa contoh kajian seperti *Tourism and the Refashioning of the Headhunting Narrative in Sabah, Malaysian* oleh G. Flory (2007), *The Murutic Language Family* (Spitzack, 1984) dan *Headhunting and the Social Imagination in Southeast Asia* (Hoskins, 1996).

Sorotan kajian

Konsep identiti etnik melalui legenda Monsopiad

Lumrah sebagai manusia yang lahir setiap satunya di muka bumi ini mempunyai *cap* atau *tanda pengenalan* tersendiri. Tanda pengenalan tersebut boleh sahaja menjadi sesuatu yang sumbernya diwarisi, dikurniakan, dicipta, diadaptasi (Week 2004) ataupun diperolehi ideanya melalui proses interaksi hasil daripada kontruksi sosial. Konsep *identiti etnik* boleh difahami dengan merujuk pendefinisian frasa *etnik* dan *identiti*. Etnik berasal daripada Latin iaitu *ethnicus* dan *ethnikas* manakala daripada Greek *ethos* untuk merujuk sekumpulan (band) bangsa (nation) yang berkongsi cara hidup yang sama. Identiti berakar umbi daripada frasa *identitas* atau *idem* dikonotasikan sebagai *identity* merujuk kepada suatu keadaan bagaimana etnik mengekspresikan *kesatuan*, *kebersamaan*, *kecintaan* terhadap sesebuah ideologi (Simpson & Weiner 1989) dalam kelompok yang dianggotai. Tuntasnya, gabungan definisi dan interpretasi *Identiti Etnik* dapatlah diterjemahkan sebagai kesatuan seseorang dalam kelompok (band) yang berkongsi tradisi, adat, pengalaman sejarah, budaya hidup dalam satu kedudukan geografi yang sama (Joseph & Ryan, 2001).

Legenda

Pengkaji Antropologi Sosial Eropah Anastasiia Zherdieva (2014), menyatakan perkataan *legend* berasal daripada Latin *legenda* diliputi oleh 3 intipati utama yang diklasifikasikan sebagai *sacred*, *miracle* dan *value*. Dengan menggunakan metode penganalisisan Antropologi Budaya, Anastasiia (2014) menjelaskan faktor penentu samada sesebuah *folklore* tersebut boleh dianggap individu sebagai legenda ialah dengan melihat bukti kewujudan sejarahnya walaupun proses mendapatkan kisah legenda hanyalah melalui lisan sahaja. Tuntasnya *legenda* didefinisikan sebagai tradisi lisan mengenai sesuatu yang benar-benar terjadi, berkaitan dengan orang atau tempat sehingga kewujudannya menyumbangkan kepentingan kepada masyarakat sekitarnya. Selanjutnya, masyarakat masa kini menyakini kewujudan legenda tersebut melalui apa yang dipercayai (beliefs) sebagai *sakral*, *ajaib* dan *bernilai* sekiranya tidak mengiktiraf atau menghormati legend tersebut maka akan mendapat balasannya (sanction). Misalnya, dalam penelitian ini penduduk pribumi Sabah telah meletakkan Monsopiad sebagai seseorang yang *legend* kerana kewujudan beliau diakui dan dibuktikan dengan penubuhan Monsopiad Cultural Village (MCV) di Sabah. Fungsi *sacred* turut disokong melalui huraian Durkheim (1995) menyatakan bahawa elemen tersebut adalah

sesuatu yang bernilai kepada penyatuan kelompok masyarakat bagi menentang keganasan dan kejahatan manusia.

Legenda kepahlawanan Monsopiad

Menyingkap identiti Monsopiad, beliau adalah seorang budak lelaki biasa menetap dalam sebuah kampung di Kuai Kandazon, Penampang. Sejak kecil, Monsopiad diajar menjalani kehidupan secara tradisional seperti bercucuk tanam dan menuai hasil padi oleh kedua orang tuanya iaitu Kizabon dan Dunggou. Hal ini jelas telah membuktikan bahawa etnik Kadazandusun telah memanfaatkan persekitaran semula jadi mereka untuk terus hidup beribu-ribu tahun lagi. Etnik berkenaan telah mewarisi kepakaran nenek moyang terdahulu yang mahir bercucuk tanam pelbagai jenis padi tradisional, buah-buahan serta sayur-sayuran (Jacqueline, 2012). Sementara, datuknya pula mengajarkan beliau seni mempertahankan diri berikutan kampung mereka sering menjadi tumpuan serangan perompak padi dan barangan keperluan asas. Hal demikian kerana kesuburan tanah dan haiwan ternakan yang melebihi kecukupan setiap keluarga menjadi tumpuan lanun-lanun. Lanun-lanun merujuk kepada etnik Iranun (Ilanun) dan Murut yang tinggal di kawasan yang berhampiran perairan dan lembah sungai ketika itu. Ketiadaan kemahiran bercucuk tanam dan selok-belok hutan menjadi alasan dan faktor mereka nekad menceroboh Kampung Kuai Kandazon demi survival hidup terutama keperluan nutrisi. Peristiwa pertelingkahan dan kehilangan hasil tanaman dianggap sebagai malapetaka yang menghilangkan rahmat dan semangat padi.

Menurut sistem 'world-view' etnik ini yang amat mementingkan padi sebagai sebuah *harta*, setiap petak sawah padi keluarga dipercayai mempunyai pelindung semangat padi iaitu *Bambarayon* yang menjaga hasil *parai* (padi). Setiap bijian *parai* dipercayai berkahwin, berkomunikasi dan mempunyai *anak* seperti manusia. Kecurian padi dianggap sebagai kecuaiannya iaitu keluarga itu sendiri dan telah membuat *bambarayon* tersinggung yang kesannya telah membantutkan kesuburan padi. Oleh sebab semangat *parai* perlu terus disanjung, maka dari itulah setiap fasa menanam, merumput, menuai dan menyimpan padi disertai dengan ritual oleh *Bobohizan* (Ketua Ritual Agama) sejak turun-temurun lagi. Kepentingan menjaga hati *Bambarayon* tidak hanya meliputi faktor kesuburan tanaman padi, malahan turut mengaitkannya dengan kebajikan ternakan kerana lebih nasi tidak dibuang ke dalam tong sampah begitu sahaja. Sekiranya lebih nasi disia-siakan, iannya dianggap menyimpang daripada norma etnik yang tidak menghormati Pencipta Makanan *Minamangun*. Ekoran daripada sifat tidak ambil peduli Monsopiad dalam hal ehwal persekitaran kampungnya yang dilanda krisis rompakan tanaman menyebabkan dia sering diejek oleh gadis-gadis di Kuai Kandazon sebagai seorang yang lemah dan tidak berdaya melawan kejahatan (Persatuan KDCA Penampang, 2015).

Situasi tersebut menyebabkan Monsopiad bersepakat mengatur rancangannya untuk membanteras penyamun-penyamun kampung. Hari demi hari kehebatan Monsopiad semakin dikagumi dan menyebabkan kesombongan terbit dalam dirinya. Setiap kali berjaya menewaskan musuhnya, dia akan memenggal kepala musuh untuk dikeringkan lalu disangkut di tiang rumahnya sebagai simbol identiti keberanian Monsopiad. Kesan daripada peristiwa itu, beliau dikatakan gemar mencari lawan untuk bersaing merebut gelaran pahlawan. Fenomena *kegilaan* Monsopiad mencari mangsa dengan memperbesar-besarkan salah faham akan sesuatu isu menerbitkan sifat panas baran dan menimbulkan ketidakselesaan di kawasan kejirannya terutama kaum tua. Oleh yang demikian, atas nasihat dan perbincangan mendalam penduduk kampung nekad melancarkan serangan ke atas Monsopiad sehinggalah dia menemui ajalnya.

Tragedi pembunuhan ke atas Monsopiad dipercayai berlaku ketika dia sedang mabuk dan berehat di sebuah rumah yang dijadikan tempat memerhati musuh atau perompak. Serangan dilakukan dengan penuh perancangan dan strategi dengan mengumpam Monsopiad meminum *Tapai* sejenis minuman keras daripada beras. Setelah berada dalam keadaan separa sedar barulah, serangan dilancarkan sehingga dia menemui ajalnya. Kematian Monsopiad dianggap sebagai suatu kehilangan yang tidak mempunyai galang gantinya. Kesemua kepala hasil buruan Monsopiad dikumpulkan dan disimpan dengan iringan upacara yang penuh ritual oleh *Bobohizan* bagi memperingati jasa Monsopiad sebagai simbol penghormatan terakhir agar semangat dalam tengkorak tersebut tidak *mengamuk*. Kini sebanyak 42 kepala dengan

gelaran sebagai 42 *Trofi Kegemilangan* dipersembahkan di Rumah Tengkorak MCV untuk tatapan kegagahan Monsopiad sebagai etnik Kadazandusun di samping mengambil iktibar daripada kesilapan beliau yang dahulu. Simbol yang menjadi identiti kewujudan Monsopiad sebagai sebuah kisah bukan dongeng kerana masih diperkatakan ke hari ini ialah tanah perkuburan Monsopiad yang terletak antara jambatan Sungai Moyog di Penampang (Persatuan KDCA Penampang, 2015).

Metodologi

Rasional pendekatan kualitatif dipilih kerana kemampuan pendekatan proses penganalisisan berdasarkan tema kajian (thematic-coding) dan huraian deksriptif (Cherry, 2000; Creswell, 1994; Denzim & Lincoln, 1994) untuk menterjemahkan data yang bermakna dan memudahkan hubungan yang baik (rapport) terbina dengan kukuh antara subjek kajian (Schofield, 1982 & Baxter, 1970. Pensampelan bertujuan memudahkan pemilihan unit analisa yang terdiri daripada etnik Kadazandusun, menetap di Kuai Kandazon Penampang seramai 8 orang tanpa had jantina, umur, agama, pendidikan dan pekerjaan. Syarat pensampelan yang dihadkan ialah seseorang yang merupakan generasi keturunan Monsopiad dan mempunyai pengetahuan mendalam tentang legenda kepahlawanan tersebut.



Sumber: <http://geosmkakl.blogspot.my/p/peta-semananjung-malaysiasabah-sarawak.html>

Rajah 1. Lokasi kajian di rumah kebudayaan Monsopiad, Penampang, Sabah

Daerah Penampang sebagai lokasi kajian terletak di Bahagian Pantai Barat negeri Sabah dan bersempadanan dengan Bandaraya Kota Kinabalu. Nama *Penampang* sebenarnya terbit dari Bahasa Dusunik *pampang* (batu-batuan) dan *lahir* sebagai salah sebuah daerah kerana ciri-ciri struktur tanah yang tinggi, berbukit-bukau serta berbatu-batu yang mengunjur ke persisiran pantai. Keluasannya daerah ini kini dianggarkan seluas 178.948 batu persegi terdiri daripada kampung-kampung dan mukim mengikut pembahagian kawasan pilihan raya iaitu kawasan N16 Moyog dan N17 Petagas di Sabah. Dari sudut demografi, daerah Penampang merupakan kawasan yang paling maju di negeri Sabah dalam

pelbagai bidang baik sosial, ekonomi mahupun politik membuatkan lokasi tersebut menjadi tumpuan pelbagai kaum. Jumlah penduduk daerah Penampang yang dibahagikan mengikut jantina lelaki (69,418) dan perempuan (67,584) dan keseluruhannya sebanyak 137,002 orang.

Kampung Kuai Kandazazon mulai terkenal menjelang tahun 1970-an sewaktu keturunan Dousia Moujing membuka petempatan untuk memindahkan warisan *bangkavan* daripada daerah Keningau ke daerah Penampang. Sewaktu awal pembukaan Monsopiad Cultural Village di kampung itu, terdapat banyak krisis dan percanggahan pendapat oleh etnik Kadazandusun di sekitarnya. Namun atas pertimbangan dan toleransi antara pakar ritual keagamaan dan etnik Kadazandusun, akhirnya beliau berjaya membuka MCV di daerah Penampang. Satu-satunya daerah yang masih mengabdikan kepahlawanan Monsopiad sebagai pejuang etnik Kadazandusun (Majlis Daerah Penampang, 2015). Ketekunan keturunan Dousia mengabdikan memoir berhubung legenda Monsopiad mula mendapat perhatian daripada pelbagai agensi apabila Upacara *Upacara Magang* atau *Mensilad* mula diperkenalkan di kampung itu sempena penghijrahan *bangkavan* ke pusat pemindahan yang baru. Buktinya pada tahun 1999, upacara tersebut tercatat dalam *Book of Records* berhubung dengan alunan muzik gong semasa ritual yang berlangsung tanpa henti sebanyak 24 jam.

Hasil kajian dan perbincangan

Secara amnya, isu-isu mengenai identiti berhubung persoalan nilai sepunya kelompok masyarakat bukanlah isu yang baru. Tetapi mula diperdebatkan sejak perang dunia kedua sehingga ke perang dingin yang diwariskan melalui fenomena penjajahan, migrasi, globalisasi, gerakan sosial yang menjadi penyumbang kepada wacana kemanusiaan dan sains sosial (Chris, 2004). Abdul Rahman Embong (1999), sarjana pengkaji identiti sosial telah mengutarakan beberapa komponen yang membentuk dan mengubah identiti dalam sesuatu wilayah. Antara yang dikenalpasti ialah diri *individu*, *faktor migrasi*, *sifat fizikal*, *kesan penjajahan*, *gender dan seksualiti*, *kewarganegaraan*, *ideologi*, *kepercayaan dan agama*, *ilmu pengetahuan*, *undangundang*, *keluarga*, *kelas sosial*, *bangsa dan ciri-ciri visual seperti paras rupa dan warna kulit*, *asal-usul bangsa*, *sejarah*, *geografi*, *pengalaman*, *budaya*, *media*, *wawasan dan gerakan sosial*. Bertitik-tolak daripada penghujahan tersebut, justeru, pengkaji telah mengaplikasikan beberapa tema berkaitan untuk memahami dan meneroka fungsi legenda terhadap pembentukan identiti etnik di Borneo. Melalui garapan tema di atas, pengkaji juga berusaha menyelami elemen identiti etnik selaras dengan fungsi legenda Monsopiad dalam memperkasa kehidupan etnik itu masa kini.

Penerokaan dan pemahaman legenda Monsopiad daripada pengetahuan lokal

Kesemua informan memperolehi pengetahuan sejarah kepahlawan Monsopiad daripada ibu bapa melalui tradisi lisan berkenaan legenda Monsopiad dan sehingga kini sistem kekeluargaan etnik informan masih lagi menyimpan *bangkavan* dan *bambarayan* untuk menjamin keharmonian keluarga dan kesuburan padi. Informan yang ditemu bual menyakini bahawa asal-usul Monsopiad ialah daripada Kampung Kuai Kandazon dan berketurunan etnik Kadazandusun. Sebanyak 42 trofi keagungan Monsopiad hasil daripada saggai dipamerkan di Rumah Tengkorak MCV supaya etnik lain mengambil iktibar agar tidak sewenang-wenangnya mencetuskan pergaduhan sesama etnik. Terdapat seorang informan iaitu informan 7 yang memperolehi pengetahuan legenda melalui proses perkahwinan campur dengan suaminya Encik Laurentius Kitingan. Penjelasannya dapat diperhatikan melalui petikan temubual bersama informan 7 '*saya walaupun pemegang Kursi Kadazan di Sabah, tapi suami saya banyak membantu kefahaman tentang legenda yang menjadi identiti etnik-etnik di Sabah. Etnik Kadazandusun, misalnya amat mengagumi Monsopiad dan anggap dia sebagai Huguan Siou yang mempunyai lugu yang paling teguh dan pantang dicabar. Saya juga banyak membuat kajian-kajian yang berkenaan identiti etnik-etnik di Borneo terutama musikologi kerana amat minati keindahan irama di sini*'. Informan 7 merupakan seorang pensyarah di UMS amat fasih berbahasa Malaysia dengan loghat-loghat Sabah, dia tidak segan-silu menceritakan pengalamannya ketika mula-mula mengenali keluarga suaminya di samping

menghuraikan mengenai perjalanannya sebagai salah seorang penterjemah buku Bahasa Kadazandusun. Menurut informan ini versi penceritaan Legenda cenderung mempunyai tokoh-tambah kerana kisahnya diperolehi daripada lisan masyarakat di sekitarnya di samping kekurangan sumber rujukan sahih yang benar-benar dipercayai. Kewujudan Borneo tambah Informan 7 yang diwarisi dengan lebih 40 rumpun etnik yang setiap satunya memiliki sejarah kepahlawanan menambahkan kesukaran kepada pengkaji budaya folklore. Hampir kesemuanya mempunyai latar masa, latar tempat, latar watak dan 'storyboard' yang serupa kerana mereka dilihat berkongsi 1 kebudayaan yang sama dari segi sejarah penghapusan etnik. Tetapi apa yang boleh dihayati maknanya dalam Monsopiad ini ialah bagaimana kita sebagai salah satu etnik di Sabah, merungkai makna tersirat di sebalik tingkah laku Monsopiad sebagai 'Heroic Legend'.

Berhubung dengan persoalan yang menanyakan perasaan bangga informan terhadap Legenda Monsopiad sebagai sebahagian daripada identiti etnik Kadazandusun telah memberikan maklum balas yang berlainan bagi setiap individu yang ditemubual. Seramai enam orang informan melahirkan perasaan bangga memiliki dan mempunyai legenda berkenaan kerana dilihat mampu memberikan nilai kebersamaan sebagai etnik yang wujud atas dasar konsep egalitarian. Sebagai contohnya melalui Informan 8 menerangkan rasa kebanggannya begelar etnik Kadazandusun dan sanggup menghabiskan sisa hidupnya bekerja sebagai Ketua Adat di MCV disebabkan kepercayaannya terhadap kesucian legenda Monsopiad yang perlu dipelihara daripada kemarahan 'Aki' dalam temubual bersama informan 8 '*kenapa kitak mao rasa malu? Sebab si Monsopiad punya kesilapan lalu, keegoan beliau untuk membunuh rakyat kampung. Sedangkan kita perlu bangga sebab jasa Monsopiad menyebabkan etnik lain gerun dengan kita jika ada niat jahat dengan keluarga kita. Kepahlawanan Monsopaid ini, jika dilihat-dilihat lain daripada etnik lain apabila dia menyagai (sagaii). Saya amat bangga sebagai etnik Kadazandusun sampai sanggup pelihara keamanan yang ada daripada kemarahan Aki jika tidak menyimpan dengan baik sejarah legenda ini*'.

Namun terdapat percanggahan pendapat sebanyak 2 orang informan iaitu informan 1 dan 2 seperti dalam temubual bersama mereka '*ganas bha etu cherita. Lebih-lebih lagi ada kenen (konon) diorang bilang (cakap) si Monsopiad tu sebenarnya bukan mo kasi selamat kampung tapi sumbang (sombong) suda sebab kuat jadi dia bosan duduk di kampung. Dia merayau-rayau di hutan cari dan penggal kepala. Sebab tu, saya tia setuju kalau kisah ni disebut sebagai usaha Monsopiad mau kasi selamatkan penduduk. Sedangkan dia kerap membunuh. Kita pun moden sua apa perlunya cerita ni mo kasi sedar etnik, banyak lagi saya rasa tokoh tokoh lain yang boleh dijadikan contoh dan saya kurang sedikit rasa mo bangga diri*'.

Pendapat informan 1 dan 2 mempunyai sedikit persamaan dari segi konsep keganasan mengenai legenda Monsopiad sebagai Huguan Siou etnik Kadazandusun. Menurut informan 2 secara selamba melalui keterangannya '*inda jua telampo bangga sebab semua pun yang jadi tu bersebab dan kita suda moden kalau adapun dendam antara etnik haraplah dihapuskan. Memang dulu etnik Iranun dikhabarkan mencuri tanaman etnik Kadazandusun sebab dorang nda mahir tanam padi. Itu kan kisah zaman nenek-nenek kita, sekarang di dunia yang baru buat apa keganasan sebab kita pun ada rasa selamat juga di bumi ni. Tia perlula mo potong kepala sana sini kalau berselisihan faham*'.

Huguan Siou merupakan istilah bagi menggelarkan seorang pahlawan etnik yang gagah berani menentang kekacauan kampung. Sehingga kini gelaran tersebut masih diguna pakai oleh beberapa pemimpin politik di Sabah seperti Huguan Siou YAB Tan Sri Joseph Pairin Kitingan presiden KDCA, Penampang Sabah. Berdasarkan kenyataan yang diberikan oleh kedua-dua informan mengenai perasaan bangga memiliki legenda Monsopiad sebagai identiti etnik Kadazandusun dan seterusnya respond mereka yang saling berkaitan dengan aspek pemodenan memperlihatkan bahawa kedua-dua mereka walaupun mempunyai latar belakang pendidikan yang tidak sama, namun masih mampu memberikan ulasan secara tepat dan rasional mengenai unsur-unsur keganasan yang perlu dibendung dalam sesebuah *folklore*.

Rumusan temu bual berhubung segmen yang dikemukakan di atas mendapati semua informan mengetahui tentang sejarah kepahlawanan Monsopiad secara asas melalui tradisi lisan. Terdapat percanggahan pendapat antara dua orang informan tentang persoalan perasaan bangga mewarisi legenda Monsopiad. Kenyataan tersebut wujud disebabkan mereka kurang setuju dengan fungsi legenda sebagai alat kawalan sosial yang digunakan untuk menakut-nakutkan etnik lain di sekitar Sabah kerana isu seperti

mencuri tanaman dan ternakan boleh dicegah dengan kawalan keselamatan polis dan pihak berwajib. Secara ringkasnya, terdapat perbezaan dari segi pola jawapan informan terhadap kefahaman serta pengetahuan mereka mengenai Legenda Kepahlawanan Monsopiad. Melalui analisis awal dapatan kajian pengkaji mendapati selain daripada faktor keturunan, faktor perkahwinan, agama juga mempengaruhi kaedah bagaimana informan tersebut memperolehi sumber pengetahuan mengenai legenda Monsopiad.

Sumber penyaluran budaya dan kebudayaan

Para informan dikemukakan dengan tema *budaya* bagi mempersoalkan kewujudan legenda sebagai alat yang berfungsi menstrukturkan identiti agen yang terlibat iaitu etnik serta unsur-unsur kebudayaan yang terkandung dalam legenda tersebut kepada individu yang memegang status sebagai etnik Kadazandusun. Temu bual pengkaji bersama-sama 8 orang informan mendapati bahawa tema budaya memperlihatkan variasi pendapat berhubung bagaimana sesebuah legenda berupaya mempengaruhi identiti etnik. Pola petempatan dan agen sosialisasi serta persekitaran sosial dilihat sebagai faktor yang mendorong kepada pengekalan dan pemuliharaan identiti etnik walaupun hidup bercampur-gaul dengan etnik lain. Kenyataan pengkaji dapat diperkukuhkan lagi dengan maklum balas informan Kim yang menjelaskan bahawa lokasi tempat tinggal yang berdekatan dengan Monsopiad Cultural Village telah menjadi faktor utama dia semakin minat mendalami budaya hidup identitinya sehingga kecintaannya terhadap legenda Monsopiad mendorong dia bertukar pekerjaan sebagai artis budaya di sana '*saya asalnya memang daripada kuai Kandazon. Sewaktu kecil bapak sama mamak saya aktif sama komuniti dan kebudayaan di kampung. Memang saya anak lelaki, tapi saya minat untuk mendalami kesenian yang jadi identiti etnik. Lepas SPM, saya kerja di MCD. Agak lama juga baru saya decide mo tukar kerja ke MCV. Dulu uyang (moyang) selalu cerita pasal Monsopiad sampaikan saya terfikir apalah salahnya saya kerja di MCV, dekat dengan rumah di samping boleh kembangkan bakat tarian. Sedikit sebanyak memang ibu bapa banyak tanam minat saya*'.

Berlainan dengan situasi ibu muda kepada seorang anak lelaki iaitu informan 4. Dia menyatakan bahawa faktor perkahwinan campur berlainan etnik merupakan titik bermulanya dia menerima kisah legenda Monsopiad sehinggalah kini dia sebagai ibu mensosialisasikan anaknya melalui tradisi lisan mengenai legenda itu. Sememangnya dia tidak menafikan bahawa di awal perkahwinannya dengan suami yang berlainan etnik, budaya dan latar belakang telah mewujudkan sedikit jurang dalam keluarga. Namun, sifat toleransi dan persefahaman antara dia dengan bapa dan ibu mertua telah menghilangkan *cultural gap* tersebut sebagaimana dijelaskan oleh informan 4 '*macam saya sua kawen tu mertua suh cerita sama anak-anak saya pasal Monsopiad. Awal-awal dulu saya bengang juga sebab saya pun tidak faham kenapa disuruh buat begitu. Rupanya dia tia mo (tidak mahu) kalu (kalau) sejarah tu hilang. Saya juga diminta duduk di kampung yang ada darah Monsopiad, mereka suh besarkan anak saya disini supaya darah kepahlawannya tia pupus. Lagi-lagi bila musim Mongkiab*'.

Berdasarkan temubual dan pemerhatian pengkaji bersama-sama dengan informan 1, 2, 5, 6 dan 7 mengenai unsur-unsur kebudayaan yang diterapkan kepada informan sebagai pemegang identiti etnik Kadazandusun telah mendapati bahawa hampir keseluruhan pola jawapan adalah sinonim. Maklum balas berkenaan unsur-unsur kebudayaan dalam legenda Monsopiad dapat dilihat melalui pengertian informan terhadap upacara Mongkiab, pesta Kaamatan, baju etnik, makna *Bambarayan* dan *Parai*, pantang-larang etnik dan rutin seharian yang dianggap berbeza dengan etnik lain di Borneo. Kelainan identiti berhubung dengan unsur-unsur kebudayaan dapat dilihat melalui kenyataan ini seperti informan 7 '*jangnlah tinggalkan Mongkiab, kalau tiada Bobohizan sekalipun cukup dengan kadar sembelih karabau, babi sama ayam. Letak darah sembelihan di tuang ke atas Bangkavan dan sedikit pada tanaman padi. Jangan sudah kenak musibah banjir, penyakit, anak-anak nangis tiap malam baru pula mo jamu dia. Harus ingat dia sebahagian kita*'.

Hasil temubual berhubung dengan elemen 'budaya', pengkaji mendapati bahawa legenda Monsopiad berupaya membentuk nilai, norma dan peranan setiap individu yang ditemubual. Bertepatanlah dengan huraian E.B Taylor dalam bukunya *The Primitive Culture (1817)* yang mendefinisikan budaya sebagai suatu keseluruhan cara hidup yang dipelajari sehingga individu menjadi ahli dalam masyarakat.

Kenyataan Taylor boleh dihayati melalui petikan dalam bukunya iaitu “*complex whole which includes knowledge, belief, art, morals, law, custom, and any other capabilities and habits acquired by man as a member of society*”.

Perkaitan yang boleh dilihat melalui petikan Taylor dengan informan ialah berhubung nilai-nilai moral yang terdapat dalam kebudayaan mengikut pemahaman informan sedikit sebanyak memberi kesan kepada si pelaku iaitu etnik Kadazandusun itu tadi supaya dia tetap berada dalam norma yang diterima oleh kelompok etniknya. Unsur-unsur kebudayaan yang terdapat dalam kisah legenda Monsopiad berupaya membentuk nilai sepunya dalam identiti etnik Kadazandusun walaupun hidup dalam persekitaran multi-etnik dengan kemasukan imigran di kampung mereka atas faktor kepesatan industri. Namun fenomena tersebut berdasarkan pemerhatian pengkaji di lapangan tidak sedikit pun mempengaruhi faktor pengekalan identiti etnik malahan semakin teguh melalui kesedaran etnik masing-masing sekiranya meninggalkan apa yang disebut sebagai ‘adat’ dalam kehidupan mereka. Hal tersebut bertepatanlah dengan apa yang disimpulkan oleh Durkheim (1912) iaitu sebelum adanya interaksi kelompok perlunya kesepakatan kolektif sebagai sokongan sosial masyarakat dan menjelaskan bagaimana jurang budaya (cultural gap) boleh dielakkan melalui kesedaran kolektif yang digagaskan dengan sentimen serta kepercayaan untuk mewujudkan kesepakatan bersama.

Alat sosialisasi dan pembentuk kawalan sosial

Berdasarkan analisis data yang diperolehi dalam skop ini, majoriti informan dididik dengan penerapan nilai-nilai keberanian sewaktu zaman kanak-kanak dahulu. Dalam hal ini terdapat seorang informan mendakwa bahawa dia dididik dengan kaedah yang sangat berdisiplin ketika kecil disebabkan kecuaiannya bermain-main di dalam hutan. Menurut informan 2 dia diperlakukan sedemikian untuk memupuk sifat berani dalam diri apabila bapanya mengambil tindakan menolaknya secara sengaja ke dalam Sg. Moyog berdekatan kampungnya. Begitu juga dengan informan 6 yang menjelaskan bahawa zaman kanak-kanaknya diisi dengan permainan kebudayaan Monsopiad seperti melastik burung, berjalan dengan terompah dan meniup sumpit.

Bagi informan 8 pula, sewaktu zaman kanak-kanaknya dia diterapkan dengan keinginan dan ketekunan untuk menghafal *rinait* iaitu sejenis buku yang mengandungi ungkapan-ungkapan yang memuja *Mimagun* (pencipta). Dia ditanam dengan cita-cita apabila besar untuk menjadi Bobohizan Hal ini kerana dalam kepercayaan lama etnik Kadazandusun, kaum wanita lebih dekat dengan pencipta alam. Justeru hanya wanita sahaja diberi peluang untuk mempelajari selok belok menjadi Bobohizan ‘*masa kicik diterap supaya jadi bobohizan. Pantang larang yang saya diajar kalau ada yang masuk hutan, bini jangan duduk bersilang kaki sebab laki akan cepat penat. Minum tapai tia boleh sebab bila laki kita mabok, buruan pun kurang*’.

Seterusnya berlainan pula dengan situasi informan 4 dan 7 yang mana mereka bersosialisasi dengan agen sosialisasi bapa dan ibu mertua melalui proses perkahwinan campur. Mereka merespond kaedah mengasuh anak dengan mendidik anak-anak mereka melalui rutin harian yang mempamerkan identiti etnik Kadazandusun. Misalnya, informan 4 mendidik anak lelakinya membantu suaminya ketika berada di kampung halaman mereka sewaktu menuai padi. Informan 4 juga tidak segan-silu mempamerkan sekeping gambar lama kenang-kenangan sewaktu dia di kampung halaman suaminya. Gambar tersebut memaparkan rutin suami informan 4 bersama anak lelakinya dan sekumpulan kanak-kanak lain melakukan kerja-kerja penuaian padi sambil bermain-main di kampung halaman. Menurut informan 5 pula sejak dari kecil dia sememangnya maklum akan legenda Monsopiad disebabkan faktor keturunannya sebagai waris mendiang Encik Dousia Moujing iaitu individu yang bertungkus lumus menubuhkan MCV. Namun terdapat sedikit perbezaan pengalaman didikannya sewaktu kecil yang mana dia diasuh dengan menghormati alam sekeliling seperti mempercayai kuasa supernatural dan akhirnya dia membuka MCV sebagai salah sebuah aset pelancongan budaya.

Ringkasnya, proses sosialisasi dapat ditakrifkan sebagai satu set proses yang mana individu belajar daripada agen sosialisasi sehingga menjadi ahli yang diiktiraf dalam kelompok masyarakatnya. Definisi yang jelas dapat dilihat melalui huraian Caroline Hodges (1990) menyatakan bahawa bentuk sosialisasi

untuk menjadi sesebuah kelompok ahli adalah berbeza-beza mengikut norma, kebudayaan, perspektif dalam kehidupan sosial seseorang.

Politik, kekuasaan dan ketua adat

Selain tiga dapatan sebelumnya, terdapat juga elemen politik yang dijelaskan dalam makalah ini melalui respond informan terhadap sifat kepemimpinan yang ditonjolkan oleh Monsopiad yang dilihat mempengaruhi pembentukan identiti etnik Kadazandusun sebagai pemimpin dalam apa jua organisasi mahupun persatuan. Pemahaman segmen temu bual informan mengenai politik pula mereka tidak menganggap politik sebagai satu bentuk penyaluran kuasa untuk mempengaruhi kelompok yang ditadbir. Tetap i mempercayai ianya sebagai satu bentuk hubungan yang menjamin keseimbangan struktur kelompok masyarakatnya. Dalam masa yang sama aspek identiti dan keturunan memainkan peranan yang signifikan dalam usaha mendapatkan pekerjaan yang baik. Majikan di sekitar daerah Penampang didapati mengambil kira faktor etnik dalam memberikan peluang pekerjaan. Hal ini kerana terdapat semacam kepercayaan dalam struktur pentadbiran mereka yang menjangkakan kebaikan sekiranya memilih etnik Kadazandusun kerana identiti etnik yang dilihat sangat sebagai kelompok yang mengamalkan gaya hidup bekerja keras dan tidak menjadi suatu masalah sekiranya mendapat pangkat yang rendah. Pendapat sedemikian timbul kerana rutin harian zaman dahulu sehingga kini etnik Kadazandusun yang gemar berbakti kepada tanah melalui penanaman padi walaupun mempunyai pekerjaan berpangkat tinggi. Selanjutnya persoalan juga akan berkisar bagaimana ciri-ciri kepahlawanan Monsopiad mempengaruhi aspek pemilihan ketua dalam kalangan etnik Kadazandusun di daerah Penampang.

Melalui segmen temu bual ini kebanyakan informan memberikan respond yang sama berhubung dengan sifat kepimpinan Monsopiad kerana dilihat memberi kesan kepada struktur identiti etnik Kadazandusun yang memegang jawatan di dalam organisasi mahupun sewaktu dalam alam persekolahan lagi. Terdapat persamaan antara informan 1 dan 2 yang menyatakan bahawa Monsopiad bersifat terpuji akhlaknya kerana peribadinya yang menghormati pendapat kaum tua dan tidak menyerang secara melulu. Menurut informan 3, 4, 5, 6, 7 dan 8, Monsopiad merupakan pahlawan yang berani, bertanggungjawab, tidak mudah berputus asa berdasarkan pengalaman mereka melalui cerita lisan legenda itu. Sifat-sifat kepimpinan Monsopiad dilihat menyebarkan ke arah pembentukan identiti etnik Kadazandusun dalam aspek mencari pekerjaan masa kini terutama pekerjaan yang mempunyai hubungannya dengan komuniti. Temubual bersama informan berlangsung ketika informan menghadiri *Moginakan* (kenduri) di kampung halamannya bersama-sama dengan penduduk termasuklah beberapa orang warga asing sempena menyambut kelahiran bayi. Situasi itu memperlihatkan bagaimana En Chris (informan 6) yang berautoriti menggunakan pengaruhnya membina hubungan baik. Buktinya melalui kenyataan informan Chris sewaktu mula-mula melamar menjadi JKKK di Kampung Kuai Kandazon 'macam saya masa interview mo apply jadi JKKK. Saya bilang (cakap) saya etnik Kadazandusun menetap di Kuai Kandazon. Dan juga saya maklum akan budaya hidup komuniti di sini. Jadi banding sama orang etnik lain, saya dilihat punya kelebihan sikit'. Kajian mendapati bahawa kuasa dalam arena kepimpinan iaitu skop politik dilihat bukan berfungsi sebagai alat untuk memberikan autoriti penggunaan kekuasaan. Tetapi lebih kepada menghubungkan individu dengan individu yang lain sama seperti etnik dengan etnik yang lain di Sabah secara produktif dan berstruktur. Pendapat pengkaji ini bertepatanlah dengan pernyataan Foucault (1991) bahawa 'power is not a thing but a relation'.

Kesimpulan

Identiti merupakan aspek signifikan untuk membentuk struktur kehidupan bermasyarakat serta memandu elemen yang perlu wujud dalam sesebuah keanggotaan kelompok sosial (Gans.H, 2007). Individu yang memegang status sebagai etnik Kadazandusun sejak daripada lahir tidak mampu terkekang mewarisi (ascribed) sejarah legenda Monsopiad sebagai Pahlawan yang terkenal dengan istilah *sagai*. Meskipun istilah *sagai* dilihat sebagai sesuatu yang kejam dan tidak bermoral serta memalukan oleh pengkaji Barat,

namun klasifikasi pengkaji tersebut tidak menjadi penghalang kepada etnik Kadazandusun untuk mengekalkan label mereka sebagai etnik Kadazandusun. Hasil kajian mendapati bahawa kelompok etnik yang dikaji masih mengamalkan kepercayaan nenek moyang zaman lampau. Antara aspek yang mencirikan identiti etnik ini ialah berhubung dengan pandangan dunia mereka mengenai lapisan bumi, alam sekeliling, kuasa jahat, alam spiritual, konsep *Bambarayon*, *mogninakan* dan kepatuhan terhadap *Bobohizan* yang dianggap sangat signifikan dalam mendamaikan serta menjaga keharmonian manusia dengan alam. Setiap inci kehidupan bermula dari aspek kelahiran, kematian, perkahwinan serta proses penanaman padi akan diiringi dengan *rinait Bobohizan* untuk menenangkan kuasa jahat daripada mendekati manusia. Kesimpulannya, dalam menuju arus modenisasi dan menerima pengaruh luar, masyarakat tidak seharusnya menerima atau mencedok budaya yang bukan menjadi identiti etnik sewenang-wenangnya tanpa mengkaji terlebih dahulu. Individu perlu bijak menilai dan mengasingkan aspek yang perlu atau kurang perlu untuk dikekalkan dalam identiti mereka. Tidaklah menjadi kesalahan kepada seseorang individu untuk melakukan perubahan dari segi gaya hidup asalkan tidak melanggar nilai, norma dan peranan yang mengikat *dia* sebagai ahli dalam masyarakat.

Rujukan

- Alan (2015) Tourists Motivation to Attend Indigenous Cultural Events: A Case of Kaamatan Harvest Festival, Sabah. *Malaysian-Borneo* 14, 8.
- Abd Hakim Mohad (2014) Spiritual Journey of Murut Tahol in Sabah and Its Effect to Their Headhunting Practice. *International Journal of Social Science and Humanity* 4 (6), November.
- Abdul Halim Bandan (1999) Cerita Rakyat Kaum Bajau Semporna, Sabah: Suatu Analisis Citra Masyarakat.
- Arena Wati (1978) Peribumi Sabah: Satu Tinjauan dalam Konteks Kepercayaan, Kultus dan Hukum Adat di Sabah. Yayasan Kota Kinabalu, Kota Kinabalu.
- Bourguignon E (1979) *Psychological Anthropology: An Introduction to Human Nature and Cultural Differences*. New York, Holt, Rinehart, & Winston.
- Chin JU (2014) Second Class Bumiputera? The Taming of the Dayaks and Kadazandusun of East Malaysia.
- Flory Ann Mansor Gingging (2007) I Lost My Head in Borneo: Tourism and the Refashioning of the Headhunting Narrative in Sabah, Malaysia. *Cultural Analysis* 6.
- Gans H (2003) Identity and Symbolic ethnicity: The future of ethnic groups and cultures in America. *The Chronicle of Higher Education*.
- Hanafi Hussin (2007) Worldview dan Amalan: Pengalaman Kadazan Dataran Penampang Sabah. *Borneo Research Journal* 1, Disember 2007.
- Ismail Haji Ibrahim, Jane Wong Kon Ling (2002) Warisan Seni Etnik di Sabah.
- Jackson JB (2015) Interconnections: Folklore Studies and Anthropology at the Mathers Museum of World Cultures. *Practicing Anthropology* 37(3), 20-23.
- Jacqueline Pugh-Kitingan (2012) Kadazandusun. Siri Etnik Sabah. Institut Terjemahan & Buku Malaysia. Kuala Lumpur.
- Low KO, Lee YF (2012) Investigating the relationship between Kadazandusun beliefs about paddy spirits, riddling in harvest-time and paddy-related sundait. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara* 13, 65-93.
- Lasimbang Rita (2002) Exploring The Art of the Bobohizan-Keeper of Kadazan Rituals and Chants. Kertas Seminar yang dibentang di Borneo Research Council: 7th Biennial International Conference Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu.
- Nagel J (1994) Constructing Ethnicity: Creating and Recreating Ethnic Identity and Culture, Social Problems, pp.152 – 176.
- Irfan Noor (2010) Identiti Etnik Banjar dan Identiti Nasional di Indonesia: Satu Kajian mengenai Peneguhan Identiti Islam Etnik Banjar. Penerbit UUM.

- Mohamad Fauzi Sukimi (2012) Cerita rakyat dan stereotaip dalam konteks pembinaan identiti Madura. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* **9**, 22 - 38. ISSN 2180-2491.
- Mohamad Fauzi Sukimi (2004) Carok sebagai Elemen Identiti Manusia Madura. *Akademika* **65** (Julai), 91-110.
- Peter R Phelan (2001) *Head Hunting and The Magang Ceremony in Sabah*. Natural History Publications (Borneo), Kota Kinabalu.
- Tengku Intan Marlina Mohd Ali (2013) Simbol Kebesaran Daulat, Mahkota dan Keris Dalam Hikayat Hang Tuah. *Jurnal Melayu* **11**, Disember 2013. UM.
- Ting, Tham FL (2014) Vitality of Kadazandusun language in Sabah, Malaysia. *Asia-Pacific Studies* **1**(1), 44-57.
- Shamsul AB (2014) Identiti Etnik Minoriti di Malaysia: Antara Realiti Sosial Tafsiran Autoriti dan Tafsiran Harian. *Akademika* **84** (1&2), 57-70.
- Smith A (2012) British and Dutch Perceptions of Cannibalism in Borneo, 1882-1964. *In The Forum: Journal of History* **4** (1), 15.
- Wong KM, Phillipps A (1996) *Kinabalu, summit of Borneo*. Sabah Society.
- Williams TR (1967) *Field methods in the study of culture*. Harcourt School.
- Williams TR (1965) *The Dusun: A North Borneo Society*. Holt, Rinehart and Winston.